

FUJIFILM (MALAYSIA) SDN. BHD. POLISI PERLINDUNGAN DATA LUARAN

Polisi Perlindungan Data Peribadi ini ("Polisi") menetapkan asas bagaimana FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd. ("FMAL", "kami") boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi seseorang individu selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Polisi ini terpakai bagi data peribadi yang berada dalam simpanan atau kawalan kami, termasuk data peribadi yang berada dalam simpanan organisasi yang kami lantik untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi bagi pihak kami.

APLIKASI POLISI INI

1. Kami menghargai privasi dan kerahsiaan data peribadi milik pelanggan, rakan kongsi, vendor, pembekal, pelawat, dan pihak lain yang kami berurusan dalam aktiviti perniagaan kami. Polisi ini menjelaskan bagaimana kami mengurus dan memproses Data Peribadi anda, serta hak dan tanggungjawab anda berkaitan dengan Data Peribadi anda yang dikumpulkan ketika kami menyediakan produk dan perkhidmatan kami.

DATA PERIBADI

2. Dalam Polisi ini, "data peribadi" merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan individu yang boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut, termasuklah sebarang data peribadi sensitif individu tersebut. "**Data peribadi sensitif**" ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental pekerja, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya dan data biometrik, "**Data biometrik**" ertinya apa-apa data peribadi yang terhasil daripada pemprosesan teknikal yang berhubungan dengan ciri-ciri fizikal, fisiologi atau tingkah laku seseorang. Bagi menghindari sebarang keraguan, "**data peribadi**" di dalam Polisi ini adalah termasuk data peribadi sensitif.
3. Data peribadi yang mungkin kami kumpulkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - (a) Nama atau alias, jantina, nombor kad pengenalan atau pasport, tarikh lahir, kewarganegaraan;
 - (b) Alamat surat-menyurat, nombor telefon, alamat e-mel dan butiran perhubungan lain;
 - (c) Butiran waris terdekat, pasangan dan ahli keluarga lain, atau individu untuk dihubungi ketika kecemasan;
 - (d) Maklumat kewangan seperti butiran Kad Kredit/Debit, akaun bank;
 - (e) Data transaksi seperti rekod pembelian dan sejarah pembayaran;
 - (f) Gambar dan maklumat audiovisual lain; dan
 - (g) Untuk pemohon kerja, maklumat tambahan seperti status perkahwinan, agama, *resume*, sejarah pekerjaan termasuk gaji terakhir, kelayakan akademik dan profesional, rujukan pekerjaan, sejarah latihan, pencapaian, sejarah perubatan termasuk keadaan kesihatan fizikal atau mental atau kecacatan, serta rekod jenayah.
4. Terma lain yang digunakan dalam Polisi ini akan mempunyai maksud yang diberikan di bawah PDPA (jika bersesuaian).

PENGUMPULAN, PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN DATA PERIBADI

5. Kami secara amnya mengumpul data peribadi yang (a) anda berikan dengan pengetahuan dan secara sukarela dalam urusan perniagaan dengan kami setelah (i) anda dimaklumkan tentang tujuan pengumpulan data dan (ii) anda telah memberikan kebenaran bertulis atau dianggap telah memberikan kebenaran; atau (b) pengumpulan dan penggunaan data peribadi tanpa kebenaran yang telah diizinkan atau dibenarkan oleh PDPA atau undang-undang lain. Kami akan meminta persetujuan anda sebelum mengumpul sebarang data peribadi tambahan dan

sebelum menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang tidak dimaklumkan kepada anda (kecuali jika ia diizinkan atau dibenarkan oleh undang-undang).

6. Data Peribadi anda akan dikumpul dan digunakan oleh kami untuk tujuan berikut dan kami mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga jika perlu untuk tujuan berikut:
 - (a) melaksanakan kewajipan di bawah atau berkaitan dengan penyediaan barangan atau perkhidmatan kami kepada anda;
 - (b) melaksanakan kewajipan di bawah atau berkaitan dengan penyediaan barangan atau perkhidmatan daripada anda, termasuk pembayaran yuran dan cukai;
 - (c) audit atau penyiasatan yang dijalankan ke atas FMAL;
 - (d) menyiasat aduan, tuntutan dan pertikaian;
 - (e) apabila anda menyertai acara, bengkel, tinjauan atau peraduan kami;
 - (f) menjalankan semakan kredit untuk menilai kelayakan kredit;
 - (g) apabila anda membuat pertanyaan dan membeli produk atau perkhidmatan kami;
 - (h) mendaftar untuk produk, perkhidmatan, acara, atau bengkel kami;
 - (i) memberikan maklumat hubungan/ maklum balas anda semasa melawat laman web kami;
 - (j) memberikan maklum balas kepada kami berkenaan produk dan perkhidmatan kami atau kualiti perkhidmatan;
 - (k) berkomunikasi dengan kami melalui e-mel atau surat-menyurat bertulis;
 - (l) memproses permohonan kerja, pengambilan pekerja, temuduga, dan proses pemilihan;
 - (m) membenarkan akses ke premis kami;
 - (n) melaksanakan pematuhan kami terhadap mana-mana undang-undang, adat dan peraturan yang mungkin terpakai kepada kami;
 - (o) pemantauan CCTV bagi tujuan keselamatan di sekitar premis FMAL;
 - (p) pengambilan gambar atau rakaman video semasa aktiviti terbuka atau acara FMAL yang anda sertai, seperti pelancaran produk, penglibatan media, dan sebagainya serta perkongsian gambar atau video tersebut melalui penerbitan awam, platform media sosial kami, surat berita dalaman kami, platform dalaman syarikat-syarikat kumpulan FUJIFILM, dan lain-lain; dan
 - (q) apa-apa tujuan lain yang berkaitan atau berkenaan atau bagi meningkatkan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas yang tidak disebut secara khusus di sini.
7. Kami berkongsi Data Peribadi yang anda berikan kepada kami dengan entiti/organisasi berikut di luar FMAL bagi melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas:
 - (a) Vendor/penyedia perkhidmatan IT/sokongan teknikal;
 - (b) Pembekal perisian;
 - (c) Agensi pengambilan pekerja;
 - (d) Badan pengawal selia dan agensi awam lain;
 - (e) Vendor dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga;
 - (f) Kumpulan syarikat FUJIFILM; dan
 - (g) Pemproses/ gerbang pembayaran.
8. Pendedahan hanya akan dilakukan kepada pihak ketiga yang telah bersetuju untuk:
 - (a) menggunakan Data Peribadi anda hanya untuk tujuan yang dipersetujui terlebih dahulu;
 - (b) tidak menjual Data Peribadi anda; dan
 - (c) tidak mendedahkan Data Peribadi anda melainkan jika dikehendaki oleh undang-undang.
9. Tujuan-tujuan di atas akan terus terpakai walaupun hubungan anda dengan kami telah ditamatkan atau berubah, bagi tempoh yang munasabah seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

AKSES KEPADA DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

10. Kami mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda yang diberikan kepada kami adalah tepat. Jika anda ingin membuat (a) permohonan untuk mengakses salinan data peribadi anda yang kami simpan atau maklumat mengenai cara kami menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda, atau (b) permohonan pembetulan untuk

membetulkan atau mengemas kini mana-mana data peribadi anda yang kami simpan, anda boleh mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui e-mel kepada Pegawai Perlindungan Data kami di butiran hubungan seperti dinyatakan di dalam Seksyen 22, beserta maklumat yang berikut:

- (a) Salinan pengenalan diri anda; dan
- (b) Maklumat khusus berkaitan Data Peribadi anda yang anda ingin akses, atau permintaan untuk mengemas kini, membetulkan atau memadamkan dengan melengkapkan Borang Permintaan Akses / Pembetulan Data Peribadi FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd. Sila serahkan maklumat yang diperlukan di dalam dokumen yang dilampirkan pada pautan [FUJIFILM \(MALAYSIA\) SDN. BHD. PERSONAL DATA ACCESS / CORRECTION REQUEST FORM.](#)

- 11. Permintaan anda yang dibuat di bawah Seksyen 10 ini akan tertakluk kepada pengecualian dan larangan undang-undang seperti yang diperuntukkan oleh PDPA dan/atau mana-mana undang-undang serta peraturan lain yang terpakai.
- 12. Kami akan menjawab permintaan akses anda dengan kadar segera. Sekiranya pihak kami tidak dapat membalas permohonan anda dalam tempoh dua puluh satu (21) hari setelah menerima permohonan akses anda, pihak kami akan memaklumkan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari tersebut dan akan menjawab permohonan akses anda tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas tamatnya tempoh dua puluh satu (21) yang dinyatakan sebelumnya. Sekiranya pihak kami tidak dapat memberikan anda sebarang data peribadi atau membuat pembetulan yang diminta oleh anda, kami secara amnya akan memaklumkan anda tentang sebab mengapa kami tidak dapat berbuat demikian (kecuali apabila kami tidak dibenarkan berbuat demikian di bawah PDPA).
- 13. Ambil maklum bahawa bergantung kepada permintaan yang dibuat, kami hanya memberikan anda akses kepada data peribadi yang terkandung dalam dokumen yang diminta, dan bukan kepada keseluruhan dokumen itu sendiri. Dalam kes yang sedemikian, adalah wajar sekiranya kami hanya meminta pengesahan dari anda mengenai data peribadi yang direkodkan oleh organisasi kami, sekiranya rekod data peribadi anda menjadi sebahagian kecil daripada dokumen tersebut.
- 14. Kami mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat apa-apa pembetulan kepada data peribadi anda dalam situasi tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat maklumat sulit komersial atau sekiranya kos untuk menyediakan akses sedemikian adalah tidak berpadanan dengan risiko kepada privasi anda atau di mana pemprosesan data peribadi anda dikawal oleh mana-mana pihak ketiga yang mana menghalang kami memenuhi (secara keseluruhannya atau sebahagian) permintaan anda, atau di mana akses sedemikian dikawal oleh undang-undang lain.

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- 15. Untuk melindungi data peribadi anda daripada akses tanpa kebenaran, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahsuaian, pelupusan atau risiko yang serupa, kami telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan pentadbiran, fizikal dan teknikal yang munasabah dan bersesuaian untuk menjamin semua penyimpanan dan penghantaran data peribadi oleh kami, dan pendedahan data peribadi secara dalaman atau kepada pihak ketiga yang dilantik pembekal perkhidmatan dan ejen, atas dasar keperluan untuk mengetahui sahaja.
- 16. Anda harus ambil maklum bahawa, tiada kaedah penghantaran melalui internet atau kaedah penyimpanan elektronik yang benar-benar selamat. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin

sepenuhnya, kami berusaha untuk melindungi keselamatan maklumat anda dan sentiasa menilai serta menambah baik langkah-langkah keselamatan maklumat kami.

KETEPATAN DATA PERIBADI

17. Kami secara amnya bergantung kepada data peribadi yang diberikan oleh anda (atau wakil yang diberi kuasa oleh anda). Untuk memastikan bahawa data peribadi anda adalah terkini, lengkap dan tepat, sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada data peribadi anda dengan memaklumkan kepada Pegawai Perlindungan Data kami secara bertulis atau melalui e-mel di butiran hubungan yang dinyatakan di Seksyen 22 di bawah.

PENYIMPANAN DATA PERIBADI

18. Kami akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan-tujuan ia dikumpulkan, atau seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan.
19. Kami akan berhenti menyimpan data peribadi anda, atau membuang kaedah yang boleh mengaitkan data tersebut dengan anda, sebaik sahaja adalah munasabah untuk menganggap bahawa penyimpanan tersebut tidak lagi memenuhi tujuan-tujuan asal dan tidak lagi diperlukan untuk tujuan perundangan atau perniagaan.

PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA

20. Sila ambil maklum bahawa, data peribadi anda mungkin didedahkan, dikongsikan dan/atau dipindahkan dalam organisasi kami atau kepada pihak bersekutu kami, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas. Bagi tujuan ini, kami komited untuk memastikan kerahsiaan, perlindungan, keselamatan dan ketepatan data peribadi anda yang diberikan kepada kami.

KEBENARAN DARIPADA PIHAK KETIGA

21. Dalam apa-apa keadaan di mana anda telah memberikan data peribadi yang berkaitan dengan individu lain, anda mengakui dan menjamin bahawa anda diberi kuasa untuk memberikan data peribadi mereka kepada kami dan anda telah memperoleh kebenaran mereka untuk memproses data peribadi mereka oleh kami sebagaimana yang diterangkan dalam Polisi ini.

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

22. Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami sekiranya anda ingin membuat sebarang permintaan, pertanyaan atau aduan berkaitan dengan data peribadi anda yang telah diberikan kepada kami, dengan cara berikut:

FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd.

Alamat : Level 19, CelcomDigi Tower,
No. 6, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Untuk perhatian : Pegawai Perlindungan Data

Email : fmal.dpo@fujifilm.com

No. Telefon : +603 – 5569 8388

KESAN POLISI INI DAN PERUBAHAN KEPADA POLISI

23. Polisi ini adalah terpakai bersama dengan mana-mana polisi, notis, klausa kontrak dan klausa persetujuan lain yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda oleh kami.
24. Kami berhak meminda Polisi ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Anda boleh menentukan sama ada sebarang perubahan telah dibuat dengan merujuk kepada tarikh kali terakhir Polisi ini dikemas kini.

PENGAKUAN DAN PERSETUJUAN

Anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Polisi Perlindungan Data Luaran FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd. ("Syarikat"), dan bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda oleh Syarikat bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam Polisi ini. Anda boleh menarik balik persetujuan untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan tersebut, serta membuat permintaan untuk akses atau pembetulan data peribadi anda, selaras dengan Polisi ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____